

Pengumuman Smart hanya gimik

KOSMO 30/12

KUALA LUMPUR - Papan tanda di Jalan Tun Razak yang memaklumkan orang ramai bahawa Sistem Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (Smart) akan dibuka pada awal 2007 hanyalah gimik prapembukaannya.

Penolong Pengurus Jabatan Perhubungan Awam Smart, Wan Azhar Wan Yeop berkata, pemasangan papan tanda itu bertujuan mencetuskan tanda tanya di kalangan pengguna jalan raya agar pengguna lebih mengetahui laluan yang perlu dimasuki apabila terowong itu dibuka kelak.

Menurutnya, pengguna tidak akan berasa 'kekak' setelah ia dibuka kerana terdapat beberapa anak panah di papan tanda tersebut yang menunjukkan laluan ke

Lewat memperoleh Sijil Penyediaan dan Penyelamatan (CCC)

Pembukaan Smart tertangguh

Oleh AMREE AHMAD dan MEGAT RAMLI
KEDAH RAJAH

KUALA LUMPUR - Penilikanan Sistem Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (Smart) kepada orang ramai terpaksa ditangguhkan walaupun siap sedia untuk diumumkan pada awal tahun 2007. Sebaliknya menurut sumber, ia hanya dapat dibuka pada awal tahun 2008 kerana ia masih belum lagi mendapat rancangan pemantauan yang ditetapkan, maka lahirlah itu akan berlaku awal 2008," katanya kepada KOSMO! semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menanggapi pertanyaan wartawan mengenai Smart bagi projek pengurusan jalan raya dibina terdapat beberapa kain rentang putih dipasang berhampiran perhubungan laluan itu. Sumber juga mengakui kekurangan kerosakan tanggapan daripada orang ramai berhubung kain rentang tersebut dan ketidakhadiran mereka ingin mengetahui tarikh sebenar terowong tersebut akan dibuka. "Apa yang diharapkan itu agak mengecewakan kerana sebelum ini kami sendiri pun belum menerima sebarang maklumat mengenai tarikh sebenar ia dibuka dalam masa terdekat ini," ujarnya.



KERATAN KOSMO! 28 Disember.

dalamnya. "Kami bukan mahu mencetuskan kekeliruan dan persoalan mengenai tarikh sebenar ia akan dibuka,

tapi sebagai langkah persediaan kepada mereka mengenai laluan yang sepatutnya digunakan. "Kami juga akan edarkan risa-

lah-risalah yang memberi informasi berhubung terowong itu kepada orang ramai pada akhir Januari depan di beberapa lokasi terpilih," katanya kepada KOSMO! semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan KOSMO! semalam mengenai papan tanda dan kain rentang yang sudah mula dinaikkan untuk mengumumkan pembukaan Smart kepada warga kota pada awal tahun depan.

Ditanya mengenai projek itu mungkin tidak dapat digunakan seperti maklumat di kain rentang tersebut kerana ia masih belum mendapat sebarang pentauliahian rasmi beliau berkata:

"Kami kini hanya menunggu untuk memperoleh sijil rasmi dari-

pada LLM (Lembaga Lebuh Raya Malaysia) tidak lama lagi dan kini mereka juga sedang giat menjalankan kerja-kerja pemeriksaan.

"Selepas mendapat sijil itu barulah terowong Smart terutama bahagian jalan raya sepanjang tiga kilometer akan dibuka kepada pengguna jalan raya," katanya.

Jelasnya, pembinaan terowong itu telah siap sepenuhnya kecuali kerja-kerja pemasangan lampu, kamera litar tertutup (CCTV), penggera kebakaran, pemancar siaran radio dan telefon bimbit yang siap kira-kira dua bulan lagi.

"Awal tahun depan bukan bermakna ia akan dibuka pada 1 Januari 2007, tetapi sebenarnya dari tempoh bulan itu sehingga April nanti," tambahnya.